

# **TERMA DAN SYARAT**

# **BONUS DAGANGAN**

# **DAN BONUS KREDIT**

**Versi 05.2023**



## ISI KANDUNGAN

1. PENGENALAN.....	3
2. SPESIFIKASI DAN TERMA.....	3
3. TERMA MENGHADKAN BONUS DAGANGAN DAN/ATAU BONUS KREDIT.....	4



## 1. PENGENALAN

Terma dan Syarat Bonus Dagangan dan Bonus Kredit ini (selepas ini disebut “**Syarat BD**”) dinyatakan di antara Anda (selepas ini disebut IB dan/atau Pelanggan) dan **FS International Berhad**<sup>1</sup> (selepas ini disebut “Syarikat”), bersama-sama dengan Terma dan Syarat dan Dokumen Undang-Undang am perniagaan Syarikat (selepas ini disebut “Perjanjian Pelanggan”) sebagai tujuan untuk memberikan Bonus Dagangan dan/atau Bonus Kredit kepada anda, sebagaimana kempen berkaitan yang telah dipromosikan oleh Syarikat.

Bonus Dagangan dan/atau Bonus Kredit adalah ditadbir oleh Perjanjian Pelanggan.

Syarat BD ini dirangka / ditadbir mengikut terma-terma berikut :

## 2. SPESIFIKASI DAN TERMA

- 2.1. Bagi membolehkan anda menyertai dan memperoleh faedah daripada promosi Bonus Dagangan dan/atau Bonus Kredit yang dinyatakan dibawah, Anda perlulah memenuhi syarat-syarat berikut :
  - 2.1.1. Anda hendaklah berusia 18 tahun keatas, dan
  - 2.1.2. Anda merupakan Pelanggan berdaftar dan mempunyai sekurang-kurangnya satu akaun dagangan dengan Syarikat, dan
  - 2.1.3. Anda hendaklah menghubungi Syarikat dan membuat pendaftaran melalui Kempen Bonus Dagangan tertentu yang dilancarkan oleh Syarikat,
  - 2.1.4. Anda akan melakukan deposit ke dalam Akaun (“Akaun”), dan
  - 2.1.5. Akaun tersebut hendaklah diluluskan oleh Jabatan Pematuhan, dan,
  - 2.1.6. Anda bukan pekerja kepada Syarikat dan
  - 2.1.7. Anda bukan ahli keluarga terdekat kepada mana-mana pekerja atau Rakan Kongsi perniagaan kepada Syarikat, dan
  - 2.1.8. Anda bukan pihak ketiga yang mempunyai hubungan secara langsung atau tidak langsung atau mempunyai kaitan dengan promosi ini didalam atau diluar Syarikat ini.
- 2.2. Anda memahami dan mengakui bahawa sebelum semakan pematuhan yang akan dilakukan oleh Syarikat ke atas pendaftaran anda, Bonus Dagangan dan/atau Bonus Kredit tidak akan diberikan sehingga kesemua syarat merujuk kepada Klausus 2.1 telah dipenuhi kesemuanya.
- 2.3. Syarikat akan menyimpan rekod semakan dan ulasan pemberian atau penolakan Bonus Dagangan dan/atau Bonus Kredit yang mencukupi.

---

<sup>1</sup> **FS International Berhad** didaftarkan dibawah Undang-Undang Vanuatu dengan Nombor Syarikat 700227 (“Syarikat”) dan memegang nama dagangan FXGlobe dan menawarkan perkhidmatannya melalui nama domain [www.fxglobe.com](http://www.fxglobe.com) (“laman web”).



### **3. TERMA MENGEHADKAN BONUS DAGANGAN DAN/ATAU KREDIT**

- 3.1. Bonus Dagangan dan/atau Bonus Kredit hanya ditawarkan kepada pelanggan berdaftar FS International Bhd.
- 3.2. Setelah memenuhi kesemua syarat di dalam Klausula 2.1 Syarikat mempunyai hak untuk menawarkan Bonus Dagangan dan/atau Bonus Kredit seperti yang Anda mohon dan diluluskan oleh Syarikat. Jumlah maksima Bonus Dagangan dan/atau Bonus Kredit adalah tidak melebihi \$5,000 (Lima Ribu Dolar Amerika) (atau matawang yang setara) melainkan dipersetujui sebaliknya oleh Syarikat.
- 3.3. Bonus Dagangan dan/atau Bonus Kredit hanya boleh diniagakan (i.e. sebagai Margin tambahan) dan **tidak**:
  - i) Boleh Dikeluarkan/Boleh Dikembalikan.
  - ii) Dipindahkan ke akaun dagangan lain yang mungkin Anda buka pada masa akan datang dalam Syarikat,
  - iii) Dipindahkan ke akaun dagangan lain,
  - iv) Dipindahkan ke servis lain yang ditawarkan oleh Syarikat (e.g. Servis PAMM)
- 3.4. Jika Anda ingin mengeluarkan sebarang jumlah selepas menerima Bonus Dagangan dan/atau Bonus Kredit (i.e. jumlah deposit dan faedah yang diterima daripada aktiviti dagangan), bonus dagangan akan ditarikbalik terlebih dahulu dan sebarang lebihan sedia untuk dikeluarkan. Sila rujuk kepada Polisi Pengeluaran kami untuk syarat-syarat permohonan pengeluaran.
- 3.5. Jika pada bila-bila masa jumlah Ekuiti anda sama atau kurang daripada Bonus/Kredit yang diberikan, Syarikat mempunyai hak untuk menarik balik Bonus/Kredit tersebut.
- 3.6. Anda memahami, mengakui dan bersetuju bahawa promosi ini disediakan dan dipromosikan didalam Syarikat, bermakna ia ditawarkan oleh inisiatif Syarikat sendiri, justeru, Syarikat mempunyai hak untuk menolak, pada bila-bila masa peruntukan untuk Bonus Dagangan dan/atau Bonus Kredit kepada Anda dan/atau Pelanggan yang lain, tanpa sebarang tanggungjawab untuk memberitahu Anda dan/atau Pelanggan yang lain di atas sebab-sebab keputusan tersebut diambil.
- 3.7. Jika anda mengalami kerugian daripada aktiviti perdagangan, maka kerugian tersebut akan dianggap sebagai kerugian ekuiti agregat (i.e. kedua-dua dana yang didepositkan dan bonus). Kerugian Anda tidak boleh melebihi ekuiti agregat anda.
- 3.8. Jika anda tidak melakukan sebarang aktiviti dagangan dalam tempoh tiga puluh (30) hari pertama daripada tarikh anda menerima Bonus Dagangan dan/atau Bonus Kredit, Syarikat mempunyai hak untuk menarik balik Bonus Dagangan dan/atau Bonus Kredit yang telah diberikan.
- 3.9. Bonus diberikan kepada pelanggan dan bukan kepada akaun, i.e., seorang pelanggan hanya boleh mempunyai satu (1) akaun dengan Bonus Dagangan dan/atau Bonus Kredit di dalamnya.
- 3.10. Bonus akan dilucutkan/didebitkan dari Akaun anda sekiranya Syarikat mempunyai alasan yang mencurigakan untuk mempercayai bahawa sebarang Polisi dan Terma dan Syarat yang dinyatakan didalam Syarat BD telah disalahguna dan/atau dimanipulasi dalam apa cara sekalipun.
- 3.11. Walaupun anda mendapat faedah dari promosi Bonus Dagangan dan/atau Bonus Kredit anda bertanggungjawab untuk bertindak baik dan tidak membuat sebarang tindakan, dalam apa cara sekalipun yang boleh dikira sebagai manipulasi dan/atau salah guna Syarat BD dan/atau Perjanjian Pelanggan dan/atau sebarang polisi Syarikat yang lain.





**fxglobe**

- 3.12. Anda perlu menggunakan Bonus didalam cara yang efektif dan munasabah mengikut Polisi Syarikat, Dokumen Undang-Undang dan Terma dan Syarat.
- 3.13. Syarikat mempunyai hak, mengikut budi bicara sendiri, untuk melucutkan kelayakan anda dan/atau mana-mana Pelanggan yang mengubah dan/atau cuba untuk mengubah pengoperasian Promosi dan/atau melanggar Syarat BD dan/atau Perjanjian Pelanggan.
- 3.14. Bonus Dagangan dan/atau Bonus Kredit dan Faedah yang diterima boleh dibatalkan sekiranya Syarikat mengesyaki sebarang tindakan penipuan dan/atau pelanggaran Terma dan Syarat Syarikat.
- 3.15. Syarikat berhak untuk mlaraskan, meminda atau menghentikan promosi ini, dan/atau sebarang aspeknya, pada bila-bila masa tanpa memberi notis pendahuluan.
- 3.16. Penting untuk anda ingat bahawa kesemua skema/plan bonus dan/atau promosi istimewa yang ditawarkan oleh Syarikat, dan/atau akan ditawarkan pada masa akan datang, tertakluk kepada terma dan syarat promosi yang tertentu yang ditetapkan hanya pada budi bicara Syarikat ini sendiri.
  - Syarikat mempunyai hak untuk membatalkan sebarang bonus sekiranya mengesyaki terdapat tindakan salah guna. Salah guna tersebut akan diambilkira tetapi tidak terhad kepada, apabila Syarikat mengesyaki terdapat perdagangan kumpulan dan/atau strategi dagangan yang sama/seakan-akan yang digunakan untuk melancarkan arahan.
  - Syarikat mempunyai hak, pada bila-bila masa, tanpa memberitahu anda, untuk menambah dan/atau mengurangkan jumlah faedah/bonus yang ditawarkan, menambah keperluan jumlah dan/atau mengubah Syarat BD dalam apa cara sekalipun.
  - Syarikat mempunyai hak untuk menafikan bonus kepada anda dan/atau Pelanggan yang lain tanpa sebarang penjelasan lanjut.
- 3.17. Apabila Syarikat meminda Syarat BD, dengan pelanjutan perniagaan anda dengan Syarikat, Syarikat beranggapan bahawa anda memahami, mengakui dan menerima Syarat BD yang telah dipinda.
- 3.18. Syarikat tidak akan bertanggungjawab dengan sebarang hasil yang mungkin timbul sebagai kesan daripada pembatalan bonus, termasuk, dan tidak terhad kepada, arahan dari Stop Out.
- 3.19. Promosi ini hendaklah dikira sebagai promosi terpisah dan bebas didalam Polisi Syarikat dan Terma dan Syarat. Justeru, ia tidak boleh digabung, dengan apa cara sekalipun, dengan promosi atau faedah lain yang ditawarkan oleh Syarikat dan/atau berjalan pada masa yang sama.
- 3.20. Sebarang pertikaian atau situasi yang tidak tertakluk di dalam Polisi Terma dan Syarat ini perlu diselesaikan oleh pengurusan Syarikat dengan keadaan yang lebih adil dan munasabah. Keputusan tersebut, yang ditentukan oleh Syarikat untuk situasi itu, adalah muktamad dan terikat kepada anda dan pihak yang lain yang terlibat di dalam pertikaian tersebut.
- 3.21. Sebarang cukai/caj yang mungkin dikenakan disebabkan oleh Promosi ini hendaklah menjadi tanggungjawab anda sendiri dan anda bertanggungjawab untuk menguruskannya.
- 3.22. Dengan menyertai promosi ini, anda memahami, mengakui dan bersetuju bahawa Syarat BD ini digunakan kepada Bonus Dagangan dan/atau Bonus Kredit (sekiranya diluluskan dan ditawarkan oleh Syarikat). Anda memahami, mengakui dan bersetuju bahawa anda menyedari bahawa dengan mendapat faedah daripada Promosi ini ia merupakan penerimaan kepada Syarat BD ini.
- 3.23. Syarat BD ini hendaklah dibaca bersama dengan Perjanjian Pelanggan dan Dokumen Undang-undang yang boleh didapatkan di [www.fxglobe.com](http://www.fxglobe.com).





3.24. Jika Syarat BD ini diterjemah kepada bahasa selain daripada Bahasa Inggeris, versi Bahasa Inggeris akan digunakan jika terdapat ketidakselarasan.

